



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN SEMAI SEMANGAT PERPADUAN DAN PERKUKUH IKATAN PERSAUDARAAN RAKYAT MALAYSIA

BATU KAWAN, 19 Julai 2025 - Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) 2025 Peringkat Kebangsaan 2025 telah disempurnakan oleh **YAB Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim, Perdana Menteri**. Tahun ini, tema **Harmoni Dalam Kepelbagaian** telah diperkenalkan untuk meningkatkan keharmonian antara penganut agama di negara ini. Tema ini juga mencerminkan realiti masyarakat Malaysia yang majmuk dengan penerapan nilai **Faham, Hormat dan Terima** menuju keharmonian nasional.

Sambutan ini menjadi **platform interaksi dan tapak integrasi** untuk menyemarakkan semangat perpaduan serta memperluas pengetahuan terhadap kepelbagaian adat, budaya dan tradisi masyarakat Malaysia. Terdapat lebih **40 aktiviti utama** diadakan sepanjang SMP antaranya **22 Pameran Rumah KAMI (etnik), Pameran Perkampungan Rumah Etnik Kadazan Dusun & Orang Asli, Foodunites, Pameran Susur Masa, Pameran Malaysia Tanah Airku, Sukan Tradisional, Jualan Usahawan Perpaduan, Pertandingan Boria, Pertandingan Busana Etnik, Pertandingan Tarian Etnik, Pesta Buku serta Persembahan Kebudayaan.**

Lebih 250,000 pengunjung dari pelbagai latar belakang, agama dan budaya dijangka memeriahkan Sambutan Minggu Perpaduan 2025 peringkat kebangsaan. SMP terbukti sebagai medan terbaik dalam menyatupadukan rakyat Malaysia.

Bagi mendekati dan memperkukuh hubungan dengan masyarakat di peringkat akar umbi, siri Jelajah SMP turut dilaksanakan di setiap negeri. Sebanyak tujuh (7) negeri iaitu Melaka, Kedah, Kelantan, Sabah,

Johor, Perlis dan Terengganu telah selesai mengadakan SMP manakala baki lapan (8) buah negeri lagi akan diteruskan selepas ini.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata, “Kementerian Perpaduan Negara sedang **merangka pendekatan baharu bagi memperkukuh pelaksanaan Sambutan Minggu Perpaduan. Bermula tahun hadapan, SMP akan digabungkan dengan sambutan budaya etnik minoriti di negeri masing-masing. Pendekatan baharu ini mengiktiraf warisan etnik minoriti dan membuka ruang kepada rakyat untuk menghargai kepelbagaian budaya yang membentuk identiti Malaysia**”.

Majlis turut menyaksikan penyampaian Geran Kawasan Rukun Tetangga (KRT) terpilih, sebagai galakan kepada KRT untuk melaksanakan program ekonomi yang bersifat progresif, inklusif dan berimpak tinggi. YAB Perdana Menteri turut menyempurnakan penyampaian biasiswa kepada tiga (3) penerima terpilih di bawah Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR), sebagai simbol komitmen kerajaan dalam memperkasa pendidikan generasi muda.

Kementerian sentiasa komited dalam mengukuhkan semangat perpaduan, kenegaraan, kebersamaan, muhibah dan kesukarelawan dalam kalangan rakyat Malaysia. Usaha ini dilaksanakan selaras dengan aspirasi **Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara serta berpandukan tiga teras utama Dasar Perpaduan Negara.**

Kementerian Perpaduan Negara

19 Julai 2025

KPN.100-9/1/16 (52)